

14 MAR 2002

Mahathir-Perkongsian/I

SKOP LUAS BAGI PERKONGSIAN BIJAK MALAYSIA-RUSIA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

MOSCOW, 14 Mac (Bernama) -- Malaysia telah mengenalpasti pendidikan, kebudayaan dan pelancongan sebagai antara bidang baru kerjasama dengan Rusia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kedua-dua negara harus memelihara hubungan mereka yang luas asasny dan berkepelbagaian bagi faedah bersama.

Semasa berucap pada majlis jamuan tengah hari yang dihoskan Presiden Rusia Vladimir Putin di sini hari ini, Dr Mahathir menyambut baik trend positif dalam kerjasama perdagangan dan ekonomi antara kedua-dua negara tetapi merasakan bahawa banyak lagi yang perlu dilakukan.

Perdagangan dua hala antara kedua-dua negara adalah sebanyak US\$300 juta setahun -- satu jumlah yang dianggapnya amat kecil, berbanding saiz potensi pasaran Rusia.

Dr Mahathir, yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, tiba di sini malam tadi untuk lawatan tiga hari bagi permulaan kunjungan sembilan hari beliau ke tiga negara yang akan turut membawanya ke Jerman dan Poland.

Ini merupakan lawatan kedua beliau ke Rusia selepas mengunjungi wilayah Khabarovsk dan Buryatia pada Ogos 1999. Dr Mahathir berada di Moscow pada 1987 bagi lawatan rasmi pertamanya ke Rusia sebelum keruntuhan Soviet Union pada 1991.

"Lawatan saya ke sini hari ini ialah untuk menegaskan komitmen Malaysia terhadap semangat persahabatan dan kerjasama ini," katanya pada majlis itu selepas perbincangannya dengan Putin dan mesyuarat delegasi mereka di Grand Kremlin Palace.

Beliau berkata Malaysia mengikuti dengan penuh minat kejayaan Rusia dalam sains dan teknologi, kejuruteraan berat serta penyelidikan dan pembangunan saintifik.

Terdapat potensi yang besar bagi kerjasama dalam bidang teknologi komunikasi maklumat, industri aeroangkasa, perdagangan dan pelaburan, katanya.

"Dengan pengalaman Malaysia dalam pasaran ekonomi dan infrastruktur kukuh dalam sektor komersil dan perindustrian dan kekayaan saintifik serta teknologi Rusia, saya percaya terdapat skop bagi pengwujudan perkongsian bijak," katanya sambil menekankan kepada aspek konsep sama beruntung.

Beliau berkata sektor swasta kedua-dua negara patut digalakkan untuk menerokai keseluruhannya pelbagai produk baru dan mewujudkan hubungan. Ia akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak jika para pengeksport dan pengimport Rusia meninjau cara bagaimana bagi mengadakan perdagangan terus daripada membeli dan menjual produk mereka melalui negara ketiga.

"Sektor swasta kita haruslah melihat melampaui sempadan mereka ke arah rantau Asia Timur dan Tengah yang mempunyai ekonomi yang dinamik dan bertenaga," katanya.

Malaysia telah membayangkan rancangan untuk memanjangkan pencapaian ekonominya kepada rantau Asia Timur dan Tengah melalui hubungan keretapi dengan China, katanya.

Ini akan membuka jalan bagi pertukaran barangan dan teknologi yang lebih besar di kalangan negara di rantau itu dengan Rusia menjadi sebahagian penting daripadanya.

"Prospeknya kelihatan lebih baik dengan akhirnya pengwujudan koridor Timur yang akan menghubungkan Asia Tenggara dan Asia Timur.

"Pertumbuhan ekonomi berikutnya akan sebaliknya membawa kepada keadaan keselamatan antarabangsa yang lebih stabil dan aman di rantau ini," katanya.

Dr Mahathir memulakan program rasminya hari ini dengan kunjungan ke pusat perkhidmatan persekutuan Rusia bagi Perkhidmatan Pemantauan Hydrometeorologi dan Alam Sekitar (Rosgidromet) dan kemudian ke pusara "Unknown Soldier" bagi upacara meletak bunga.

Ini diikuti dengan perbincangan dengan Putin dan mesyuarat dua hala antara delegasi kedua-dua negara.

Delegasi Malaysia termasuk Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Dr Siti Hasmah dan Madam Putina turut menghadiri jamuan tengah hari itu. Selepas jamuan tengah hari, Dr Mahathir akan berucap pada forum perniagaan Malaysia-Rusia mengenai globalisasi ke arah dunia yang adil dan makmur dan kemudian mengadakan perjumpaan dengan pelajar Malaysia pada satu majlis jamuan malam.

-- BERNAMA

AZZ ZS RON